



20 Oktober 2015  
20 October 2015  
P.U. (B) 408

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

NOTIS PENAMATAN PENGENAAN DUTI  
ANTI-LAMBAKAN YANG AKAN BERLAKU  
TERHADAP IMPORT *POLYETHYLENE TEREPHTHALATE*  
YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI THAILAND

*NOTICE OF IMPENDING TERMINATION OF THE  
IMPOSITION OF ANTI-DUMPING DUTIES ON IMPORTS OF  
POLYETHYLENE TEREPHTHALATE ORIGINATING OR  
EXPORTED FROM THE KINGDOM OF THAILAND*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENAMATAN PENGENAAN DUTI ANTI-LAMBAKAN YANG AKAN BERLAKU  
TERHADAP IMPORT *POLYETHYLENE TEREPHTHALATE* YANG BERASAL ATAU  
DIEKSPORT DARI THAILAND

(SR 01/15)

MENURUT peraturan 35 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], suatu notis diberikan bahawa duti anti-lambakan yang dikenakan terhadap import *polyethylene terephthalate* dengan kelikatan lebih daripada 0.70 dL/g yang berasal atau diekспорт dari Thailand (“dagangan subjek”) di bawah Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2011 [*P.U. (A) 142/2011*] akan tamat tempohnya pada 20 April 2016 dan pihak berkepentingan diminta supaya mengemukakan pandangan mereka mengenai penamatan pengenaan duti yang akan berlaku itu.

**Dagangan subjek**

2. Dagangan subjek dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 3907.60 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 3907.60.90 00. Nombor Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman tetapi tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan dagangan subjek.

**Duti Anti-Lambakan**

3. (1) Di bawah Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2011, dagangan subjek adalah tertakluk kepada duti anti-lambakan dari 21 April 2011 hingga 20 April 2016.

(2) Kadar duti anti-lambakan yang dikenakan berhubung dengan import dagangan subjek ialah antara 5.33% hingga 49.25% daripada harga eksport.

**Pandangan daripada pihak berkepentingan**

4. (1) Pihak berkepentingan yang berkemungkinan terjejas oleh penamatan pengenaan duti anti-lambakan diminta mengemukakan pandangan mereka secara bertulis.

(2) Pandangan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah, khususnya, mengambil kira isu-isu seperti yang berikut:

- (a) sama ada pengenalan duti anti-lambakan yang berterusan perlu untuk mengimbangi lambakan dagangan subjek; dan
- (b) sama ada kemudatan berkemungkinan akan berterusan atau berulang jika duti itu dihapuskan.

(3) Pandangan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah disokong dengan keterangan dokumen sewajarnya.

### **Had masa**

5. Pihak berkepentingan hendaklah mengemukakan pandangan mereka secara bertulis dan mengemukakan maklumat yang dikehendaki tidak lewat dari 20 Januari 2016. Pengemukakan pandangan itu hendaklah dialamatkan kepada—

Pengarah  
Seksyen Amalan Perdagangan  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)  
Tingkat 14, Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur  
MALAYSIA  
Nombor Telefon: (603) 6200 0111/113/123  
Nombor Faksimile: (603) 6203 1745  
E-mel: alltps@miti.gov.my

Bertarikh 16 Oktober 2015  
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/19; PN(PU2)529/XX]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF IMPENDING TERMINATION OF THE IMPOSITION OF ANTI-DUMPING  
DUTIES ON IMPORTS OF POLYETHYLENE TEREPHTHALATE ORIGINATING OR  
EXPORTED FROM THAILAND

(SR 01/15)

PURSUANT to regulation 35 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], a notice is given that the anti-dumping duties imposed on imports of polyethylene terephthalate of intrinsic viscosity more than 0.70 dL/g originating or exported from Thailand (“subject merchandise”) under the Customs (Anti-Dumping Duties) Order 2011 [*P.U. (A) 142/2011*] is due to expire on 20 April 2016 and interested parties are invited to present their views on the impending termination of the imposition of the duties.

**Subject merchandise**

2. The subject merchandise is classified under Harmonized System Code (H.S. Code) Number 3907.60 000 and ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) 3907.60.90 00. These H.S. Code Number and AHTN are given only for information but have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

**Anti-dumping duties**

3. (1) Under the Customs (Anti-Dumping Duties) Order 2011, the subject merchandise is subject to anti-dumping duties from 21 April 2011 to 20 April 2016.

(2) The rates of the anti-dumping duties imposed in relation to the imports of the subject merchandise are between 5.33% to 49.25% of the export price.

**Views from interested parties**

4. (1) Interested parties likely to be affected by the termination of the imposition of the anti-dumping duties are invited to make their views known in writing.

(2) The views referred to in subparagraph (1) shall, in particular, address the following issues:

- (a) whether the continued imposition of the anti-dumping duties is necessary to offset the dumping of the subject merchandise; and
- (b) whether the injury would be likely to continue or recur if the duties were removed.

(3) The views referred to in subparagraph (1) shall be duly substantiated with sufficient documentary evidence.

**Time limit**

5. Interested parties must present their views in writing and submit the required information not later than 20 January 2016. The submission of the views shall be addressed to—

Director  
Trade Practices Section  
Ministry of International Trade and Industry (MITI)  
Level 14, Block 8, Government Offices Complex  
Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur  
MALAYSIA  
Telephone Number: (603) 6200 0111/113/123  
Facsimile Number: (603) 6203 1745  
E-mail: alltps@miti.gov.my

Dated 16 October 2015  
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/19; PN(PU2)529/XX]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Minister of International Trade and Industry*